



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 15 MAC 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	PENCURI KARANG DEGIL AKAN DIDAKWA, NEGARA, KOSMO-16 LAMBAKAN PUKAT HANTU ANCAM PENYU, LOKAL, HM-8 TINDAKAN TEGAS PENCURI UNTUK KARANG, DALAM NEGERI,UM-31	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
4. 5. 6. 7. 8. 9. 10. 11. 12.	TANAM TERUNG PANJANG BERI PULANGAN LUMAYAN, DALAM NEGERI,UM-32 BERNAS KENAL PASTI 12 LOKASI BAHARU LADANG PADI, NASIONAL,BH-23 TIGA BOT DITAHAN NAGA DIRAMPAS, NEGERI,SH-28 BERNAS PERLUAS SMART SBB KEPADA 12 LOKASI, NASIONAL, SH-12 BEKALAN BAHAN MENTAH CUKUP MENJELANG RAMADAN, AIDILFITRI, NASIONAL,SH-19 SIBLINGS TURN 'FARMERS' FOR SCHOOL HOLIDAYS, NATION, THE STAR-7 BERNAS PERLUAS SMART SBB KE 12 LOKASI,MALAYSIA GAZETTE -ONLINE BERNAS PERLUAS SMART SBB KE 12 LOKASI, UM-ONLINE BEKALAN BAHAN MENTAH CUKUP MENJELANG RAMADAN, AIDILFITRI, SH- ONLINE	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Perairan Tanjung Tuan diwarta kawasan larangan tangkap ikan, rumpai laut

Pencuri karang degil akan didakwa

Oleh ZAKKINA WATI
AHMAD TARMIZI

PORT DICKSON – Tindakan undang-undang yang tegas menanti terhadap mana-mana pihak yang menceroboh kawasan larangan perikanan di Tanjung Tuan di sini, termasuk yang cuba mencuri karang di kawasan tersebut. Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Sembilan, Datuk Bakri Sawir berkata, tindakan tersebut boleh diambil berikutan kawasan perairan Tanjung Tuan telah diwartakan sebagai kawasan larangan penangkapan ikan termasuk pengambilan karang atau rumpai laut.

"Kerajaan negeri akan ambil tindakan kepada mana-mana pihak yang cuba menceroboh atau merosakkan kawasan perairan marin seperti latok dan karang di Tanjung Tuan. Sekiranya masih berdegil, mereka akan didakwa mengikut undang-undang yang ditetapkan.

"Saya juga berharap orang ramai menjaga kawasan marin ini



BAKRI SAWIR (depan dua dari kanan) melepaskan pernyu sempena Program Pemuliharaan Biodiversiti Marin di Pantai Tanjung Biru, Port Dickson semalam.

supaya tidak tercemar sekali gus boleh memusnahkan alam semula jadi. Semua pihak perlu be-

kerjasama termasuk pelancong agar kawasan ini boleh diwarisi oleh anak cucu," katanya pada

Program Pemuliharaan Biodiversiti Marin di Pantai Tanjung Biru dekat sini semalam.

Sementara itu, Timbalan Pengerah Jabatan Perikanan Negeri Sembilan, Doreen Wee Siew Leen berkata, sejak tahun 2019 sehingga kini, sebanyak tiga kes pencerobohan kawasan tersebut telah diterima pihaknya.

"Pihak kami telah meletakkan tiga papan tanda di Tanjung Tuan ini bagi memaklumkan larangan tersebut kepada orang ramai. Kebanyakan mereka yang cuba memasuki kawasan ini untuk mengambil karang untuk dijual dan latok yang diambil pula adalah untuk dimakan atau dijual.

"Mereka ini kebanyakan adalah orang luar dan tidak mengetahui kawasan ini adalah kawasan larangan," katanya.

Sementara itu, pada program tersebut seramai 21 orang penyulam sukarelawan turut terlibat membersihkan dasar laut di Tanjung Tuan.

Pihak Jabatan Perikanan Negeri Sembilan kemudiannya turut melepaskan lima ekor ikan yu bodo dan enam ekor penyujenis agar dan karah di perairan Tanjung Biru.

Lambakan pukak hantu ancam penyus

Port Dickson: Lambakan pukak hantu di dasar laut berhampiran Tanjung Tuan di sini, boleh mendaftarkan risiko kematian kepada penyus yang berada di perairan pantai berkenaan.

Difahaman kewujudan banyak pukak hantu itu dikesan oleh pihak Jabatan Perikanan Negeri Sembilan (DOF).

Exco Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Sembilan, Datuk Bakri Sawir berkata, maklumat itu turut disalurkan penyelam yang mendapati dasar laut di daerah ini tercemar dengan lambakan pukak hantu memenuhi di sekeliling terumbu karang.

"Pukak hantu ini boleh memerangkap dan membunuh hidupan laut yang menjadikan terumbu karang sebagai tempat perlindungan dan pembiakan sejak hampir 30 tahun lalu.

"Kami akan mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana pihak yang melanggar peraturan ditetapkan di Kawasan Larangan Perikanan (Kawasan Larangan) 1994 membabitkan perairan sejauh satu batu nautika dari pantai di sepanjang Tanjung Tuan," katanya pada Program Pemuliharaan Biodiversiti Marin di Pantai Tanjung Biru di sini, semalam.

Katanya, individu yang melakukan sebarang penangkapan ikan di perairan itu termasuk memukat, memancing dan mengambil batu karang boleh dikompau antara RM500 hingga RM20,000 atau penjara maksimum dua tahun atau kedua-duanya sekali mengikut Seksyen 25(b) Akta Perikanan 1985.

"Dari segi pemulihan,

Pukak hantu ini boleh memerangkap dan membunuh hidupan laut yang menjadikan terumbu karang sebagai tempat perlindungan dan pembiakan sejak hampir 30 tahun lalu"

Bakri

antara inisiatif dilakukan adalah program menyelam dan membersihkan pukak hantu yang terlekat pada terumbu karang.

"Dalam tempoh tiga tahun ini ada tiga kes dikesan membabitkan kecurian terumbu karang dan mereka ini sudah diberikan amaran. Bagaimanapun tindakan undang-undang akan diteruskan sekiranya perbuatan itu masih berulang," katanya.

Bakri berkata, kaji selidik selaman DOF bersama pakar penyelidik pada 2018 di perairan Port Dickson merumuskan terdapat 46 spesies karang keras, 10 spesies karang lembut, dan 44 spesies ikan karang.

"Port Dickson terkenal sebagai pusat pelancongan juga lokasi selam yang menarik berikutan adanya kepelbagaian terumbu karang yang cantik dan spesies hidupan marin termasuk ikan-ikan karang, tumbuhan akuatik (latok), penyus dan mamalia akuatik," katanya.

Tambahnya, perairan Tanjung Tuan ini paling unik kerana ia satu-satunya kawasan tepi tanah besar semenanjung yang mempunyai terumbu karang yang cantik.



PENYELAM berjaya mengutip cebisan pukak hantu ketika Program Pemuliharaan Biodiversiti Marin di Pantai Tanjung Biru, Port Dickson.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/3/2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	31

Tindakan tegas untuk pencuri karang

PORT DICKSON: Tindakan undang-undang menanti kepada mana-mana pihak yang mencerooh kawasan larangan perikanan di Tanjung Tuan di sini termasuk yang cuba mencuri karang di kawasan tersebut.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Sembilan, Datuk Bakri Sawir berkata, tindakan tersebut boleh diambil berikutan kawasan perairan Tanjung Tuan telah diwartakan sebagai kawasan larangan penangkapan ikan

termasuk pengambilan karang atau rumpai laut.

“Kerajaan negeri akan mengambil tindakan kepada mana-mana pihak yang cuba mencerooh atau merosakkan kawasan perairan marin seperti latok dan karang di Tanjung Tuan. Sekiranya masih berdegil, mereka akan didakwa mengikut undang-undang yang ada.

“Saya juga berharap orang ramai menjaga kawasan marin ini supaya tidak tercemar yang sekali gus boleh memusnahkan alam semula jadi,” ujarnya.



BAKRI Sawir (depan dua dari kanan) dan Doreen Wee Siew Leen (depan dua dari kiri) melepaskan penyu di Pantai Tanjung Biru, Port Dickson semalam. - UTUSAN/MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN.

Tanam terung panjang beri pulangan lumayan

Oleh **HARIS FADILAH AHMAD**
utusannews@mediamula.com.my

JERANTUT: Seorang pemandu pelancong di Taman Negara Kuala Tahan memilih menceburi bidang pertanian dengan mengusahakan tanaman terung panjang di tapak seluas 0.4 hektar berdekatan rumahnya di Kampung Kuala Tahan di sini.

Pemuda yang masih bujang itu terpaksa merebut peluang dalam bidang pertanian komersial pula ekoran pendapatan tidak menentu di sektor ekopelancongan Taman Negara yang diceburinya sepenuh masa sebelum ini.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Mohd. Kamil Hakim Rozali, 32, berkata, dia mula menceburi bidang pertanian secara serius setelah kehilangan pendapatan sejak penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), 18 Mac 2020.

"Senario ancaman Covid-19 belum pulih sepenuhnya menyebabkan pendapatan saya sebagai pemandu alam sekitar tidak menentu, bergantung kepada kehadiran pengunjung ke



MOHD. Kamil Hakim Rozali bersama terung panjang yang baru dipetik untuk dipasarkan secara borong kepada peniaga di Jerantut, Pahang. - UTUSAN/HARIS FADILAH AHMAD

Taman Negara.

"Masa terluang ini, saya penuh dengan tanaman cili kulai bermula sejak PKP dua tahun

lalu dan kini beralih pula kepada terung panjang berasaskan permintaan yang tinggi di pasaran," katanya di Kampung Kuala Ta-

han di sini semalam.

Mohd. Kamil Hakim berkata, dua tahun lalu, dia mengusahakan tanaman cili kulai dengan bermula 1,800 beg fertigasi dan memperoleh pendapatan yang cukup lumayan dalam tempoh enam bulan cili yang dipetik secara berperingkat.

Pemuda yang mempunyai Diploma Pentadbiran Awam, Universiti Teknologi Mara (UiTM) itu seterusnya berkata, dengan bermodalkan hasil simpanan RM1,500, dia mengalih pula tanaman terung panjang pada 2 Disember tahun lalu di tapak berdekatan rumahnya.

"Ketika musim tengkujuh penghujung tahun lalu, pengunjung tidak singgah di Taman Negara, jadi, saya mengambil peluang menanam pula terung panjang sambil berharap dapat menampung pendapatan untuk keluarga.

"Saya menggunakan kaedah fertigasi menerusi tunjuk ajar amalan pertanian daripada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Tembeling Tengah, malah, rakan juga tidak lokek berkongsi pengalaman," katanya.

15/8/2022

BERITA
HARIAN

NASIONAL

23

BERNAS kenal pasti 12 lokasi baharu ladang padi

Alor Setar: Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) mengenal pasti 12 lokasi baharu ladang padi di seluruh negara, yang bakal diusahakan secara skala besar di bawah Program Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB).

Lokasi itu adalah di Sungai Batu Pahat dan Titi Tinggi di Perlis; Bukit Besar, Kedah; Sungai Manik, Perak dan Tok Kamis dan Jelor di Pasir Putih, Kelantan.

Selain itu, kawasan di Gong Dasar, Terengganu; Gancong Hulu, Rompin Pahang; Batang Lupar, Sarawak dan Kampung Kahumbai, Kota Belud di Sabah.

Ketua Jabatan Pengerusan Ladang BERNAS, Northisham Abdul Rahman, berkata pihaknya setakat ini, sudah membangunkan empat kawasan SMART SBB membabitkan kerjasama bersama 466 pesawah berdaftar.

"Pembaitan pesawah adalah elemen penting dalam program itu, malah ia

tidak mungkin dapat dilaksanakan tanpa komitmen tinggi mereka," katanya dalam satu kenyataan.

Northisham berkata, program SMART SBB turut membabitkan kerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Lembaga Zakat Negeri Kodah (LZNK) dan agensi berkaitan pesawah.

Beliau berkata, usaha kolektif secara berterusan itu penting bagi memdedahkan pesawah kepada aspek pembangunan dan pengamalan teknologi pengurusan tanaman padi yang bersesuaian dengan perkembangan semasa.

"Ini selaras dengan usaha kerajaan bagi mencapai objektif transformasi sektor padi dan bekalan, sekali gus meningkatkan pendapatan pesawah seluruh negara," katanya.

Mengulas lanjut, Northisham berkata, program SMART SBB menerapkan amalan pertanian lestari dan berteknologi tinggi berbanding konsep perta-

nian konvensional sebelum ini.

Beliau berkata, ia turut membabitkan kerjasama agensi kerajaan dan insititusi pengajian tinggi tempatan, yang menawarkan khidmat nasihat serta kepakaran dalam bidang berkaitan.

Antara agensi terbabit, katanya, adalah Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Lembaga Kemajuan Pertanian Kumbu (KADA),

Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA), Jabatan Pertanian Negeri (JPN), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), yang bertindak sebagai rakan pembimbing.

Beliau berkata, pihaknya turut menitikberatkan penggunaan jentera moden yang berupaya memelihara kelestarian tanah, penggunaan teknologi dron pelbagai aplikasi, pengamalan jadual kerja ladang yang lebih sistematik dan pelbagai amalan pertanian baik yang lain.

Tiga bot ditahan, 20 bubu naga dirampas

Maritim Malaysia turut menangkap enam individu atas pelbagai kesalahan

KUALA PERLIS

Ageni Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Zon Kuala Perlis menahan tiga bot tanpa nombor pendaftaran di empat lokasi berasingan yang disyaki melakukan pelbagai kesalahan maritim di sekitar perairan Kuala Perlis, pagi Ahad.

Ita ditahan oleh bot ronda Maritim Malaysia yang sedang melakukan rondaan rutin Op Aman, susulan penemuan pancang-pancang kayu yang mencurigakan di permukaan air sekitar kawasan bot berkenaan dikesan, serta penemuan peralatan menangkap ikan yang dilarang.

Pengarah Zon Maritim Kuala Perlis, Komander Maritim Mohd Hashim Mat Zain berkata, tangkapan pertama dilakukan pada kedudukan 1.2 batu nautika barat Pulau Ketam, Kuala Perlis melibatkan seorang tekong dan seorang kru warga Thailand berusia 25 dan 38 tahun yang sedang menjalankan aktiviti perikanan menggunakan sembilan set bubu naga pada 8.40 pagi.



Maritim Malaysia Zon Kuala Perlis menahan tiga bot dan merampas 20 bubu naga di sekitar perairan Kuala Perlis, pagi Ahad.

"Hasil pemeriksaan ke atas tangkapan pertama mendapati bot yang berasal dari Thailand itu disyaki melakukan pelbagai kesalahan antaranya di bawah Akta Perikanan 1985 Seksyen 15 (1) (a) penangkapan ikan asing, menangkap ikan atau cuba menangkap ikan di perairan perikanan Malaysia dan Akta Imigrasi 1959/1963 Seksyen 6 (1) (c) memasuki negara Malaysia tanpa dokumen yang sah," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Beliau berkata, dua tangkapan lagi melibatkan dua bot menangkap siput pada kedudukan kira-kira 0.69 dan 0.60 batu nautika barat pantai Kuala Perlis pada 8.56 dan 9.02 pagi.

"Dua tekong dan dua kru warga tempatan berusia 26 sehingga 53 tahun turut ditahan," katanya.

Mohd Hashim berkata, pihaknya turut merampas 11 set bubu naga tanpa pemilik pada kedudukan 0.7 batu nautika barat pantai Kuala Perlis pada 9.10 pagi.

Menurut Mohd Hashim, dalam tangkapan kedua dan ketiga pihaknya mendapati bot nelayan berpangkalan di Kuala Perlis itu disyaki melakukan pelbagai kesalahan antaranya mengendalikannya bot tanpa lesen yang sah, serta memasang atau menyebabkan dipasang apa-apa belat ikan, peralatan menangkap ikan atau peranti menampung ikan tanpa kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Perikanan Malaysia sebelum lesen berkenaan dikeluarkan.

Beliau berkata, keseluruhan rampasan dianggarkan bernilai RM20,120. - *Bernama*

Bernas perluas Smart SBB kepada 12 lokasi

ALOR SETAR - Padiberas Nasional Berhad (Bernas) meningkatkan keluasan hektar ladang padi di bawah Program Sawah Berskala Besar (Smart SBB) di negara ini kepada 12 lokasi.

Ketua Jabatan Pengurusan Ladang Bernas, Northisham Abdul Rahman berkata, lokasi terbabit ialah di Sungai Batu Pabat dan Titi Tinggi di Perlis; Bukit Besar, Kedah; Sungai Manik, Perak dan Tok Kamis serta Jelor di daerah Pasir Puteh, Kelantan.

Program pintar itu turut diperkenalkan di Gong Dasar, Terengganu; Gancang Hulu, Rompin Pahang; Batang Lupar, Sarawak serta

Kampung Kalumbai, Kota Belud di Sabah.

Menurutnya, Smart SBB pada awalnya diperkenalkan di empat lokasi sebelum diperluaskan ke kawasan berkenaan kerana mendapat kerjasama yang baik daripada pesawah.

"Sehingga kini, Bernas berjaya membentuk kerjasama yang baik dengan hampir 465 pesawah berdaftar. Program ini tidak mungkin berjaya tanpa komitmen yang tinggi daripada pesawah.

"Usaha kolektif secara berterusan ini penting untuk menedahkan pesawah tempatan dari segi pembangunan dan pengamalan teknologi pengurusan tanaman padi sesuai dengan perkembangan semasa, sekali gus

mencapai objektif transformasi sektor padi dan beras negara," katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Program tersebut katanya, turut memfokuskan ke arah amalan pertanian lestari dan berteknologi tinggi dan Bernas antara perintis amalan berkaitan dalam sektor penanaman padi.

Menurutnya, usaha tersebut mendapat kerjasama daripada agensi kerajaan serta institusi pengajian tinggi tempatan.

"Kolaborasi strategik ini merupakan satu platform iaitu mereka akan menawarkan khidmat nasihat serta kepakaran dalam bidang berkaitan. Pelbagai inisiatif sedang dirancang dan dilaksanakan secara berperingkat

FOTO: BERNAS



Penggunaan kaedah teknologi terkini seperti dron mengubah landskap pertanian konvensional

seperti kejuruteraan ekologi dalam Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM).

"Turut ditinkberatkan ialah penggunaan jentera moden yang berupaya memelihara kelestarian tanah, penggunaan teknologi dron pelbagai aplikasi, pengamalan jadual kerja ladang yang lebih sistematik dan pelbagai amalan pertanian baik yang lain," ujar beliau.

KPDNHEP akan terus mengadakan libat urus dengan MAFI dalam memastikan bekalan bahan-bahan mentah mencukupi

SHAH ALAM

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memberi jaminan bekalan bahan mentah khususnya beras, gandum, minyak dan telur ayam mencukupi menjelang Ramadan serta sambutan Aidilfitri pada Mei ini.

Timbalan Menteri, Datuk Rosol Wahid berkata, susulan itu pihaknya akan terus mengadakan libat urus dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dalam memastikan bekalan bahan-bahan mentah mencukupi.

"Bagi bekalan bahan mentah, kita mengadakan libat urus dengan MAFI, terutama berkaitan bekalan makanan utama

antaranya beras, gandum, minyak dan telur ayam. Insya-ALLAH rakyat tidak perlu bimbang, ia mencukupi menjelang puasa dan hari raya," katanya kepada pemberita pada Majlis Perasmian Bazar Ramadan 2022 @Lulu Hypermarket di sini pada Isnin.

Mengulas bertubung kenaikan makanan berasaskan ayam menjelang Ramadan ini, beliau mengaku bahawa ia berlaku susulan kenaikan makanan termakan serta baja yang berpunca daripada Covid-19, banjir, kadar pertukaran mata wang serta peperangan.

"Perkara itu sedikit sebanyak menjejaskan (makanan berasaskan ayam) tapi pihak kita akan berterusan memantau harga dan juga keberadaan barang dalam pasaran," katanya.

Sebelum itu, Rosol berkata,

Bekalan bahan mentah cukup menjelang Ramadan, Aidilfitri

FOTO: BERSEKATA



Rosol (kanan) membuat tinjauan harga barang selegas Perasmian Bazar Ramadan 2022 di Lulu Hypermarket Pusat Membeli Belah Setia Alam pada Isnin.

Bhd adalah bertujuan memberi pilihan barangan dengan potongan harga yang murah sehingga 50 peratus kepada rakyat khususnya.

nya ketika menjelang Ramadan dan Aidilfitri dan diharapkan langkah itu turut diikuti oleh pasar raya lain. - *Bersekata*

Siblings turn 'farmers' for school holidays

PADANG BESAR: Three brothers in Kampung Ayer Timbul, Chuping, are taking the opportunity to help their parents as well as earn extra pocket money during their end-of-term break.

Since their father, Mohd Asrul Rusman, 44, had a spinal operation in 2019, the brothers, who have three other siblings, have been helping their mother, Rohaida Md Jusoh, 45, to pick vegetables and care for their livestock.

Rohaida said her children - Mohd Ilham, 13, Mohd Idham, 11, and Mohd Azham, eight, helped her during every school holiday to earn their own pocket money and ease the family's burden.

"After my husband underwent surgery, he could no longer work due to spinal problems, and since then, I have been paid RM30 per day to collect vegetables. We also rear goats in our backyard," she told Bernama recently.

She added the wages earned by her children are kept by them and used as pocket money to cover their school expenses.

"I always remind my sons that we need to work hard to earn money. Alhamdulillah (praise be to God), they understand and never com-

"I always remind my sons that we need to work hard to earn money."

Rohaida Md Jusoh

plain about helping me earn income during their school holidays," she added.

According to her, her children are also involved in the Special Education Integration Programme due to learning disabilities, while her husband also receives monthly assistance from the Social Welfare Department.

The perseverance of the three siblings caught the attention of Perlis Education Department director Naharudeen Othman, who visited the family.

He said the department commended the efforts of the three boys to help their mother.

"We also hope the children could



Dutiful son: Mohd Ilham tending to the livestock which the family rears behind their home in Kampung Ayer Timbul, Chuping. - Bernama

acquire skills, for example, in the field of agriculture, which could come in handy in the future," he said.

Naharudeen said the state Education Department would also work with other agencies to see

what form of assistance could be extended to the family.

"We may apply for assistance, such as planting vegetables in the polybags in the large backyard of the house."

"With this, these children will

also receive practical training to take care of their crops and pick up life skills," he said.

Naharudeen also presented a cash contribution to the family ahead of the reopening of schools on March 21.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/3/2022	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

BERNAS PERLUAS LOKASI SMART SBB KEPADA 12 LOKASI

By Revathi Gunalan - 14 March 2022



Usaha berterusan Bernas bersama pesawah menerusi program SMART SBB bagi mencapai objektif mentransformasi sektor padi dan beras negara.

KUALA LUMPUR – Padiberas Nasional Berhad (Bernas) terus memacu perkembangan yang positif dengan melebarkan keluasan hektar ladang padi kepada 12 lokasi di bawah Program Sawah Berskala Besar (SMART SBB) berbanding empat lokasi pada awal program tersebut

Ia merupakan program kerjasama di antara Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), syarikat-syarikat peneraju seperti Bernas, Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) dan lain-lain lagi bersama pesawah.

Ketua Jabatan Pengurusan Ladang Bernas, Norhisham Abdul Rahman berkata, penglibatan pesawah merupakan elemen terpenting program ini.

“Sehingga kini, Bernas telah berjaya membentuk pakatan kerjasama yang baik dengan hampir 465 orang pesawah berdaftar. Apa yang pasti, program ini tidak mungkin berjaya tanpa komitmen yang tinggi daripada para pesawah.



“Tapak-projek-SMART-SBB-BERNAS-di-Tok-Kamis-Pasir-Puteh-Kelantan”

Usaha kolektif secara berterusan ini amat penting dalam mendedahkan para pesawah tempatan dari segi pembangunan dan pengamalan teknologi pengurusan tanaman padi yang bersesuaian dengan perkembangan semasa, sekali gus mencapai objektif mentransformasi sektor padi dan beras negara,” katanya dalam kenyataan, hari ini.

Lokasi Program SMART SBB ialah Sungai Batu Pahat dan Titi Tinggi di Perlis, Bukit Besar, Kedah; Sungai Manik, Perak; Tok Kamis dan Jelor, di daerah Pasir Putih, Kelantan; Gong Dasar, Terengganu; Gancong Hulu, Rompin Pahang; Batang Lupar, Sarawak serta Kampung Kalumbai, Kota Belud di Sabah.

Beberapa agensi pertanian utama seperti Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA), Jabatan Pertanian Negeri (JPN), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) turut bekerjasama sebagai rakan pembimbing dalam usaha ini.

Beralih dari konsep pertanian konvensional, kata Norhisham, Program SMART SBB Bernas memfokuskan ke arah amalan pertanian lestari dan berteknologi tinggi.

Tambah beliau, bagi merealisasikan usaha itu, Bernas yang merupakan antara perintis amalan pertanian lestari dalam sektor penanaman padi, turut bekerjasama bersama agensi-agensi kerajaan serta institusi pengajian tinggi tempatan.

“Kolaborasi strategik ini merupakan satu platform di mana mereka akan menawarkan khidmat nasihat serta kepakaran di dalam bidang yang berkaitan,” tambahnya.



Penggunaan-kaedah-teknologi-terkini-seperti-dron-mengubah-landskap-pertanian-konvensional-

Menurut Norhisham, pelbagai inisiatif sedang dirancang dan dilaksanakan secara berperingkat seperti amalan kejuruteraan ekologi dalam Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM).

Turut dititikberatkan ialah penggunaan jentera moden yang berupaya memelihara kelestarian tanah, penggunaan teknologi dron pelbagai aplikasi, pengamalan jadual kerja ladang yang lebih sistematik dan pelbagai amalan pertanian baik yang lain, ujar beliau.

“Bernas percaya bahawa ini merupakan suatu perancangan yang tepat ke arah pembangunan sektor padi tempatan, sekali gus memupuk kesedaran akan kepentingan pemeliharaan alam sekitar, mewujudkan keseimbangan ekologi di sawah, melindungi kesihatan pesawah dan memperbaiki pengetahuan teknikal pesawah termasuk kawalan penyakit di sawah,” katanya. -MalaysiaGazette

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/3/2022	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

BERNAS PERLUAS SMART SBB KE 12 LOKASI

Oleh JAMLIAH ABDULLAH
14 Mac 2022, 6:44 pm



PROGRAM Smart SBB memfokuskan ke arah amalan pertanian lestari dan berteknologi tinggi di seluruh negara.

ALOR SETAR: Padiberas Nasional Berhad (Bernas) terus memacu perkembangan yang positif dengan melebarkan keluasan hektar ladang padi di bawah Program Sawah Berskala Besar (Smart SBB).

Ketua Jabatan Pengurusan Ladang Bernas, Norhisham Abdul Rahman berkata, Smart SBB yang bermula dengan empat lokasi penanaman pada awal tahun lepas telah diperluaskan kepada 12 lokasi di seluruh negara.

Menurutnya, setakat ini, lokasi yang terlibat meliputi kawasan di Sungai Batu Pahat dan Titi Tinggi di Perlis; Bukit Besar, Kedah; Sungai Manik, Perak; Tok Kamis dan Jelor, di daerah Pasir Putih, Kelantan;

Gong Dasar, Terengganu; Gancong Hulu, Rompin Pahang; Batang Lupar, Sarawak serta Kampung Kalumbai, Kota Belud di Sabah.

“Smart SBB merupakan satu program kerjasama di antara Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, syarikat-syarikat peneraju seperti Bernas, Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) dan lain-lain lagi bersama pesawah,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Norhisham memberitahu, penglibatan pesawah merupakan elemen terpenting program ini.

“Sehingga kini, Bernas telah berjaya membentuk pakatan kerjasama yang baik dengan hampir 465 orang pesawah berdaftar. Apa yang pasti, program ini tidak mungkin berjaya tanpa komitmen yang tinggi daripada para pesawah.

“Usaha kolektif secara berterusan ini amat penting dalam mendedahkan para pesawah tempatan dari segi pembangunan dan pengamalan teknologi pengurusan tanaman padi yang bersesuaian dengan perkembangan semasa, sekali gus mencapai objektif mentransformasi sektor padi dan beras negara,” jelasnya.

Beliau menambah, beralih dari konsep pertanian konvensional, program Smart SBB memfokuskan ke arah amalan pertanian lestari dan berteknologi tinggi.

“Bagi merealisasikan usaha ini, Bernas yang merupakan antara perintis amalan pertanian lestari dalam sektor penanaman padi, turut bekerjasama bersama agensi-agensi kerajaan serta institusi pengajian tinggi tempatan.

“Kerjasama strategik ini merupakan satu platform di mana mereka akan menawarkan khidmat nasihat serta kepakaran di dalam bidang yang berkaitan,” tambahnya.

Selain itu, menurutnya, pelbagai inisiatif sedang dirancang dan dilaksanakan secara berperingkat seperti amalan kejuruteraan ekologi dalam Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM).

Katanya, perkara lain yang dititikberatkan ialah penggunaan jentera moden yang berupaya memelihara kelestarian tanah seperti penggunaan teknologi dron pelbagai aplikasi, pengamalan jadual kerja ladang yang lebih sistematik dan pelbagai amalan pertanian baik yang lain.

Menurutnya, beliau percaya program ini merupakan suatu perancangan yang tepat ke arah pembangunan sektor padi tempatan, sekaligus memupuk kesedaran akan kepentingan pemeliharaan alam sekitar, mewujudkan keseimbangan ekologi di sawah, melindungi kesihatan pesawah dan memperbaiki pengetahuan teknikal pesawah termasuk kawalan penyakit di sawah. – UTUSAN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/3/2022	SINAR HARIAN	ONLINE	

BEKALAN BAHAN MENTAH CUKUP MENJELANG RAMADAN, AIDILFITRI

| | 14 Mac 2022



Rosol (kanan) membuat tinjauan harga barang selepas Perasmian Bazar Ramadan 2022 di LuLu Hypermarket Pusat Membeli Belah Setia City pada Isnin. - Foto Bernama

SHAH ALAM - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memberi jaminan bekalan bahan mentah khususnya beras, gandum minyak dan telur ayam mencukupi menjelang Ramadan serta sambutan Aidilfitri Mei ini.

Timbalan Menteri, Datuk Rosol Wahid berkata, susulan itu pihaknya akan terus mengadakan libat urus dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dalam memastikan bekalan bahan-bahan mentah mencukupi.

"Bagi bekalan bahan mentah, kita mengadakan libat urus dengan MAFI, terutama berkaitan bekalan makanan utama antaranya beras, gandum minyak dan telur ayam. Insya-ALLAH rakyat tidak perlu bimbang, ia mencukupi menjelang puasa dan hari raya," katanya kepada pemberita pada Majlis Perasmian Bazar Ramadan 2022 @LuLu Hypermarket di sini pada Isnin.

Mengulas berhubung kenaikan makanan berasaskan ayam menjelang Ramadan ini, beliau mengaku bahawa ia berlaku susulan kenaikan makanan ternakan serta baja yang berpunca daripada Covid-19, banjir, kadar pertukaran mata wang serta peperangan.

"Perkara itu sedikit sebanyak menjejaskan (makanan berasaskan ayam) tapi pihak kita akan berterusan memantau harga dan juga keberadaan barang dalam pasaran," katanya.

Rosol sebelum itu berkata, Bazar Ramadan 2022 @ Lulu Hypermarket yang bermula pada Isnin sehingga 4 Mei depan yang dianjurkan Lulu Group Retail Sdn Bhd adalah bertujuan memberi pilihan barangan dengan potongan harga yang murah sehingga 50 peratus kepada rakyat khususnya ketika menjelang Ramadan dan Aidilfitri dan mengharapkan langkah itu turut diikuti oleh pasaraya lain. - Bernama

2018 Hakcipta Terpelihara Kumpulan Karangraf